

Vatican: PM wajar terima jemputan

UM 27 MAY 2002

Oleh NORAINI ABDUL RAZAK dan SAHBULAH MOHAMAD DARWI

PETALING JAYA 26 Mei — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad wajar menerima jemputan pemimpin tertinggi Katolik, Pope John Paul II bagi menjernihkan kekeliruan yang wujud antara umat Islam dan penganut Kristian selepas insiden 11 September 2001.

Ketua Paderi Gereja St. Francis Xavier, **Larry Tan**, 53, menganggap pertemuan itu penting bagi kedua-dua pemimpin dalam suasana dunia yang bergolak berikutan salah faham mengenai Islam dan Kristian sejak akhir-akhir ini.

Beliau yakin pertemuan itu jika terjadi, mampu menyumbang kepada kesejahteraan manusia sejagat berdasarkan kepimpinan Perdana Menteri yang dihormati di peringkat antarabangsa.

"Inilah masanya bagi Perdana Menteri memenuhi jemputan Pope kerana ia dipercayai dapat menjernihkan kekeliruan yang



LARRY TAN

wujud antara umat Islam dan penganut Kristian," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Larry diminta mengulas laporan berhubung jemputan Pope untuk bertemu dengan Dr. Mahathir di Vatican bulan depan.

Mengulas lanjut, katanya, hubungan antara umat Islam dan pengikut Kristian berada pada tahap yang membimbangkan sejak insiden 11 September dan ia akan menjadi lebih parah jika tidak segera diperbetulkan.

Katanya, Pope pernah berusaha untuk mengum-



SHI MING YI

pulkan para pemimpin dari pelbagai agama dan mengadakan dialog sesama mereka selepas kejadian yang menggemparkan dunia itu.

"Dan jemputan kepada Perdana Menteri ini dilihat sebagai pengiktirafan terhadap peranan yang telah dimainkan oleh Dr. Mahathir dalam perkembangan dunia Islam," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Kebajikan dan Kebudayaan Buddha Foo Hai, **Ven. Shi Ming Yi**, 41, berkata, pertemuan itu adalah teladan yang baik kepada masyarakat dunia termasuk di negara ini un-

tuk mengadakan lebih banyak dialog antara pelbagai kepercayaan.

"Sudah tentu setiap agama mempunyai perbezaan masing-masing tetapi perkara yang lebih penting ialah hampir semua agama berkongsi satu hasrat iaitu mahukan penganutnya hidup dengan aman dan kasih sayang," katanya.

Ming Yi yang juga Setiausaha Agung Persatuan Buddha Singapura, berkata, lawatan Perdana Menteri itu diharapkan dapat menumpukan kepada persamaan yang ada di antara kedua-dua agama.

Bukan sahaja orang Islam dan Katholik, katanya, penganut agama lain juga perlu memainkan peranan berinteraksi dengan suasana muhibah untuk lebih memahami kepercayaan masing-masing.

"Masanya sangat sesuai untuk mengadakan perjumpaan dengan penganut agama lain terutama selepas kejadian 11 September yang akhirnya memerlukan kita semua memahami antara satu sama lain," jelasnya.